

Langkawi Pusat Daftar Kapal Layar Antarabangsa

UM 3 - OCT 2003

LANGKAWI 2 Okt. — Satu lagi imej baru Langkawi diwujudkan apabila pulau tersebut dijadikan Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa yang dijangka merancakkan lagi sektor pelancongan di negara ini.

Majlis pelancaran pusat tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Awana Porto Malai sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA '03), di sini hari ini.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, beliau yakin pusat tersebut bukan sahaja akan mengharumkan nama Malaysia dan tetapi juga memperkenalkan negara ini khususnya pulau pelancongan Langkawi ke seluruh dunia.

Katanya, sebelum ini, tidak ramai yang mengenal Malaysia berbanding negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina.

“Saya yakin dengan menjadikan Langkawi sebagai pusat pendaftaran kapal layar, ia akan merancakkan lagi sektor pelancongan di negara ini,” katanya.

Malaysia secara rasmi meletakkan dirinya da-

lam peta laluan bagi masyarakat pelayar dunia hasil pelancaran Langkawi Yacht Registration oleh Dr. Mahathir di Port Hercules Monaco, 27 September lalu.

Perdana Menteri ber-

kata, keindahan dan keamanan yang dimiliki oleh negara ini akan membuat setiap pelayar atau pelancong berasa selamat untuk mengunjungi Malaysia.

Katanya, pusat terse-

but tentunya akan mendatangkan banyak faedah kepada negara ini khususnya dari segi pelancongan dan ekonomi.

Sehubungan itu, beliau yakin hasrat kerajaan untuk meningkatkan bi-

langan kehadiran pelancong ke negara ini kepada 25 juta orang setahun akan tercapai.

Tahun lalu, Malaysia mencatatkan kehadiran pelancong asing sebanyak 16 juta orang.